

Mahathir mahu kakitangan bank utamakan amanah

UM 20 AUG 1985

KUALA LUMPUR 19 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu amanah dijadikan nilai paling utama bagi masyarakat bank memandangkan tanpa nilai itu, bank-bank tidak akan dapat berfungsi.

Perdana Menteri berkata, sungguhpun terdapat peraturan dan undang-undang bagi memastikan wang itu diselenggarakan dengan betul, bagi mereka yang berjiwa jenayah, undang-undang itu penuh dengan kelemahan.

"Dengan ini, keperluan asas masih lagi sifat amanah dan satu-satunya, cara bagi bank boleh berfungsi adalah ia diselenggarakan oleh orang-orang yang beramanah, barulah kekayaan negara boleh diamankan kepada mereka," ujar beliau.

Berucap di majlis makan malam tahunan institusi-institusi kewangan Malaysia di Hotel Shangri-La di sini malam ini, Perdana Menteri menjelaskan, tidak ada cara lain yang dapat menggantikan peranan bank dalam zaman moden ini.

"Begitu juga, tidak ada siapa yang boleh menyelenggarakan kekayaan kepunyaan masyarakat tanpa bergantung kepada nilai amanah, dari itu, nilai penting ini mesti diterapkan di kalangan ahli-ahli bank."

"Masalahnya, bagaimanakah caranya untuk menerapkan nilai amanah kerana adalah mudah untuk mengajar kanak-kanak mengenai nilai-nilai yang betul tetapi kebiasaan dan nilai orang-orang dewasa sudah terterap," tanya Datuk Sri Dr. Mahathir.

Bagaimanapun, beliau yakin, ada caranya untuk menyemai nilai-nilai baik itu sekurang-kurangnya ke peringkat tertentu.

Cara-cara itu ialah:

- Pernyataan slogan "Bersih, Cekap, dan Amanah," sebagai peringatan tetap.

- Menghukum dengan tegas mereka yang menyalahgunakan amanah yang telah diberikan kepada mereka.

- Mangajar melalui panduan dan tauladan.

"Di sinilah, ahli-ahli kanan dalam bidang bank mempunyai peranan dengan menunjukkan ketegasan, bekerja secara serius, bertanggungjawab dan sepenuhnya beramanah," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Mungkin di kalangan ahli bank merasakan bahawa perkara-perkara itu tidak perlu diberitahu kerana ia sudah termaklum tetapi diketahui juga terdapat sebilangan mereka dalam perniagaan bank di peringkat yang tidak begitu tinggi yang tidak mempunyai sifat amanah, tambah Perdana Menteri.

LHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DAR' MUKA 1

Utamakan amanah - PM

UM 20 AUG 1985
Menurut beliau, kelakuan ahli-ahli bank yang tidak beramanah itu bukan saja menjadi tanggungjawab mereka tetapi adalah tanggungjawab ketua-ketua mereka di semua peringkat.
"Kita tidak mengharapkan ahli-ahli bank yang orang bawahnya tidak bera-

melakukan "hara-kiri," atau "seppuku" (upacara bunuh atau hukum diri sebagai tebus malu di Jepun) tetapi mereka tidak boleh mengabaikan kerja-kerja penyeliaan di samping menyemai nilai baik di kalangan kakitangan," tambah Perdana Menteri.